

CCTV di 54 lokasi tumpuan jenayah

Sinar harian 13/04/2010 M/S 54

SELYANG BARU – Kawasan panas sekitar Selayang Baru diyakini bertukar kepada positif tidak lama lagi dengan adanya pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di situ.

ia berikutan inisiatif diambil pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak memasang alat keselamatan berkenaan yang akan ditempatkan di 54 lokasi strategik yang sering menjadi tumpuan penjenayah.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah berkata, buat masa ini kerja pemasangan CCTV itu sedang dijalankan pihak konsultan dan kontraktor yang dijangka siap Julai ini, manakala IPD Gombak di Bukit Idaman Selayang pula, akan menjadi pusat kawalan kerja memantau sebarang perlakuan jenayah, melalui 15 terminal dipasang.

“Seperti kita ketahui, Selayang Baru adalah salah satu kawasan ‘hot spot’ yang hendak kita berikan perhatian. Saya percaya dengan pemasangan CCTV ini dapat mengurangkan lagi jumlah jenayah sedia ada.

“Untuk pengetahuan, setakat awal bulan tahun ini, sebanyak 145 kes jenayah menurun, bersamaan

penurunan 7.4 peratus, berbanding tempoh masa sama bagi 2009,” katanya.

Abdul Rahim berkata demikian pada Sambutan Hari Polis Ke-203, Program Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bersama Masyarakat dan Pencegahan Jenayah/Mencegah Wabak Denggi, di sini.

Hadir sama dalam program berkenaan ialah Ahli Parlimen Selayang, William Leong Jee Keen, Ahli Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Datuk Mazlan Hassan serta wakil pihak Pejabat Kesihatan Daerah Gombak.

Abdul Rahim berkata, pemasangan tujuh lokasi pondok polis dalam kawasan Selayang Baru sebelum ini sejak hujung tahun lalu juga antara faktor kurangnya jenayah di sini.

“Selain kira-kira 100 anggota polis membantu memantau kawasan, kita turut mendapat kerjasama anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Ikatan Relawan Malaysia (Rela) Daerah Gombak.

“Saya percaya dengan kerjasama semua pihak khususnya oleh masyarakat setempat, jenayah di kawasan kita dapat dikurangkan lagi,” katanya.

Menurutnya, antara kawasan pa-



● Abdul Rahim (tengah) dan anggotanya bersama Mazlan serta wakil penduduk pada program gotong-royong berkenaan.

nas yang turut akan dibuat pemasangan CCTV adalah seperti di Bandar Country Homes, Bandar Rawang, Desa Jaya dan Gombak.

Abdul Rahim berkata, kawalan keselamatan rutin seperti rondaan keselamatan bermotosikal dan MPV, berjalan kaki, program ‘High Profile Policing’ seperti ‘stop and talk’ untuk bertemu masyarakat, tetap akan dijalankan seperti biasa.

Sementara itu, Mazlan berkata,

sebahagian kawasan di Selayang Baru adalah kawasan hitam berikutan jumlah kes demam denggi seperti dimaklumkan pihak Pejabat Kesihatan.

Katanya, untuk itu tumpuan diberikan kepada beberapa kawasan dan lorong di Selayang Baru bagi menyedarkan orang ramai supaya bersama-sama mengambil langkah menjaga kebersihan dan mengatasi masalah timbul.

Terdahulu, aktiviti gotong-royong dibahagikan kepada enam kumpulan dengan kawasan sasaran adalah dari Jalan 21 hingga Jalan 40 membawa ke sempadan Bukit Botak.

INFO

Polis mendapat bantuan PGA dan Rela dalam membanteras jenayah